



Celebrate living  
[fwd.com.my](http://fwd.com.my)



# Program Biasiswa

# Mengenai FWD Takaful Berhad

- FWD Takaful Berhad (“FWD Takaful”) adalah pengendali Takaful di Malaysia yang menawarkan perkhidmatan Takaful keluarga. FWD Takaful dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.
- Ia adalah unit perniagaan Takaful Kumpulan FWD (“FWD”) - yang merentasi Hong Kong & Macau, Thailand, Indonesia, Filipina, Singapura, Vietnam, Jepun dan Malaysia; menawarkan insurans hayat dan perubatan, insurans am, pelan perlindungan pekerja, pelan perlindungan Shariah dan Takaful keluarga merentasi beberapa pasarnya.
- FWD menumpukan usaha untuk mencipta pengalaman pelanggan yang baru dan menjadikan insurans lebih mudah, cepat dan lancar, dengan pembaharuan yang inovatif dan pelan perlindungan yang mudah difahami, disokong oleh teknologi digital. Melalui pendekatan yang didorong oleh pelanggan ini, FWD mensasarkan untuk menjadi peneraju insurans Asian yang mengubah pandangan terhadap insurans.
- Ditubuhkan di Asia pada tahun 2013 dengan matlamat sebagai perintis, FWD adalah perniagaan insurans utama kumpulan pelaburan, Pacific Century Group. Untuk maklumat lanjut, sila layari [fwd.com.my](http://fwd.com.my).




## Program Biasiswa FWD Takaful

FWD Takaful menawarkan program biasiswa kepada pelajar-pelajar Malaysia daripada keluarga berpendapatan kurang daripada RM5000 atau dalam golongan B40 yang memerlukan bantuan kewangan untuk meneruskan pelajaran ke institusi pengajian tinggi.

Program biasiswa ini akan membiayai sepenuhnya pengajian untuk tempoh 4 tahun (termasuk pra-universiti bagi pelajar lepasan SPM) di universiti yang tersenarai. Tujuan biasiswa ini bertujuan untuk membolehkan pelajar yang cemerlang dalam pengajian mereka mendapatkan kemahiran dan pengetahuan yang lebih mendalam. Kami menggalakkan dan mendorong pelajar-pelajar ini untuk melanjutkan pengajian dalam bidang Takaful/Insurans, Syariah, Kewangan/Kewangan Islam, Teknologi Maklumat dan Sains Aktuari.

Bagi menjamin peluang pekerjaan setelah tamat program biasiswa dan pengajian, penerima biasiswa perlu berkhidmat dengan FWD Takaful bagi tempoh 3 tahun. Calon yang berjaya akan diberi perlindungan takaful dan seorang mentor sepanjang tempoh biasiswa ini berlangsung.

# Bidang Pengajian



Memupuk bakat-bakat muda dalam bidang yang berkaitan secara langsung dan fungsi-fungsi lain yang relevan di dalam industri Takaful dari semasa ke semasa. Ini membolehkan penghasilan inovasi dalam produk, perkhidmatan dan teknologi.

# Senarai kolej atau universiti yang diluluskan

## Institusi Pengajian Tinggi Awam

1. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)
2. Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)
3. Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
4. Universiti Malaya (UM)
5. Universiti Malaysia Kelantan (UMK)
6. Universiti Malaysia Pahang (UMP)
7. Universiti Malaysia Perlis (UNIMAP)
8. Universiti Malaysia Terengganu (UMT)
9. Universiti Malaysia Sabah (UMS)
10. Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)
11. Universiti Putra Malaysia (UPM)
12. Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)
13. Universiti Sains Malaysia (USM)
14. Universiti Teknologi Malaysia (UTM)
15. Universiti Teknologi Mara (UiTM)
16. Universiti Utara Malaysia (UUM)

## Institusi Pengajian Tinggi Swasta

1. Multimedia University (MMU)
2. Universiti Tenaga Nasional (UNITEN)
3. Universiti Tun Abdul Razak (UNIRAZAK)
4. Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR)
5. Universiti Selangor (UNISEL)
6. Tunku Abdul Rahman University College (TAR UC)
7. INTEC Education College
8. Universiti Teknologi PETRONAS

## Syarat - syarat permohonan

Umur

21 tahun ke bawah pada Januari 2021.

SPM/  
Percubaan SPM

Minima 5A, termasuk Bahasa Inggeris, Bahasa Melayu, Matematik. Pemohon yang memiliki keputusan percubaan SPM yang memenuhi kriteria di atas digalakkan untuk memohon.

STPM

Lulus Kertas Pengajian Am dan minimum PNGK 3.50

Penyertaaan  
Karangan

Pemohon perlu menyerahkan karangan tulisan tangan sebanyak 500 jumlah patah perkataan untuk menjelaskan:

- Sebab-sebab memohon biasiswa ini
- Manfaat yang akan diperolehi daripada pengajian yang dipilih
- Rancangan pengajian dan kerjaya pemohon

Kriteria  
Tambahan

Pemohon perlu berjaya mendapat tempat di institusi tempatan daripada senarai universiti yang diluluskan, untuk melanjutkan pengajian dalam mana-mana bidang seperti di bawah.

Keutamaan akan diberikan kepada pemohon yang aktif dalam kegiatan kokurikulum.

Bidang Pengajian

- Takaful/Insurans
- Aktuari Sains
- Teknologi maklumat
- Syariah
- Kewangan Islam/ Kewangan

Tempoh  
Permohonan

22 Februari 2021 hingga 23 April 2021

# Bagaimana untuk Memohon?



Muat turun  
Borang  
Permohonan  
Biasiswa [di sini](#)

atau

Menghantar permintaan  
melalui e-mel di  
[scholarship.my@fwd.com](mailto:scholarship.my@fwd.com)

dan

(Sila tulis “Permintaan Borang  
Permohonan” sebagai subjek).

E-mel borang yang  
lengkap kepada  
[scholarship.my@fwd.com](mailto:scholarship.my@fwd.com)

(Sila tulis “Permohonan  
Biasiswa” sebagai  
subjek).

Sila hubungi

1300 13 7988

atau

012 650 9275 [Rosma Abd Azid]

## Soalan Lazim

### 1 Bolehkah saya memohon biasiswa ini sebelum mendapat tempat di pusat matrikulasi atau universiti?

Ya, anda boleh memohon biasiswa ini sebelum mendapat tempat di pusat matrikulasi atau universiti dengan menggunakan keputusan peperiksaan percubaan anda. Tawaran biasiswa akan diberi berdasarkan syarat-syarat tertentu. Pemohon hanya akan mendapat biasiswa apabila sudah menerima tawaran daripada universiti terpilih. Oleh itu, pemohon diminta untuk memberitahu pihak kami dengan secepat mungkin sekiranya sudah menerima tawaran kemasukan universiti kelak.

### 2 Siapakah yang layak untuk memohon biasiswa ini? Bagaimana saya boleh mengetahui jika saya layak untuk memohon?

Anda boleh memohon biasiswa ini jika:

- Anda adalah pelajar Tingkatan 5 yang menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) pada Februari 2021; atau
- Anda adalah pelajar Tingkatan 6 yang akan menduduki peperiksaan semester akhir Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) pada April 2021.

Anda boleh memohon biasiswa ini jika pendapatan seisi keluarga anda kurang daripada RM5,000 sebulan.

### 3 Apa yang perlu saya lampirkan bersama permohonan biasiswa saya?

Sila rujuk Borang Permohonan di mana panduan langkah demi langkah telah disediakan. Pastikan anda membaca syarat-syarat yang dinyatakan sebelum memohon.

### 4 Apa yang perlu saya sertakan dalam penyertaan karangan saya?

Anda boleh memulakan karangan dengan memperkenalkan diri anda, dan nyatakan pencapaian akademik, cita-cita serta minat anda. Nyatakan juga sebab anda memerlukan biasiswa ini dan mengapa anda memilih untuk melanjutkan pelajaran dalam salah satu bidang pengajian yang dinyatakan. Beritahu kami tentang matlamat dan rancangan kerjaya anda. Ini adalah peluang untuk menonjolkan keistimewaan anda berbanding pemohon yang lain.

### 5 Apakah kos yang akan ditaja melalui biasiswa ini?

Program Biasiswa FWD Takaful akan membiayai yuran kursus pengajian sepenuhnya, termasuk yuran pengajian, yuran peperiksaan, yuran asrama, kos sara hidup, pembelian komputer riba, mesin pencetak dan buku atau bahan rujukan kursus sepanjang tempoh program.

## Soalan Lazim

### 6 Apa yang diharapkan daripada saya jika saya berjaya mendapat biasiswa ini?

Sekiranya anda berjaya mendapat biasiswa ini, anda perlu mengekalkan keputusan akademik yang konsisten dan hendaklah sentiasa berkelakuan baik seperti yang dinyatakan dalam perjanjian biasiswa anda. Sila rujuk maklumat program biasiswa di laman web kami.

### 7 Bolehkah biasiswa ini dibatalkan?

Ya, biasiswa ini boleh dibatalkan sekiranya anda gagal mematuhi mana-mana syarat biasiswa, seperti mengekalkan PNGK (Purata Nilai Gred Kumulatif) pada tahap tertentu setiap semester atau anda gagal mengekalkan tingkah laku yang baik sejajar dengan peraturan dan undang-undang yang ditetapkan oleh pusat matrikulasi atau universiti. Contohnya, jika anda didapati terlibat dalam aktiviti yang berkaitan dengan dadah atau aktiviti yang tidak mematuhi Syariah, biasiswa ini akan dibatalkan serta-merta.

### 8 Bolehkah saya menerima biasiswa ini jika saya menerima tawaran daripada universiti luar negara?

Biasiswa ini hanya akan diberi jika anda mendapat tawaran untuk melanjutkan pelajaran di mana-mana universiti atau kolej tempatan yang disenaraikan dalam program biasiswa kami.

### 9 Bagaimakah caranya untuk saya ketahui jika permohonan saya berjaya atau tidak?

FWD Takaful akan menilai dan membuat pemilihan mulai bulan April 2021 hingga Jun 2021. Kami akan memberitahu pemohon yang terpilih melalui e-mel atau melalui pos, sebaik sahaja keputusan dibuat.

### 10 Saya telah diberitahu bahawa permohonan saya berjaya. Adakah saya akan menerima maklumat yang lebih lanjut selepas itu?

Anda akan menerima surat tawaran melalui e-mel atau pos dimana maklumat lanjut mengenai biasiswa seperti kelayakan perbelanjaan, kaedah pembayaran, tanggungjawab anda sebagai penerima biasiswa dan pembaharuan biasiswa anda untuk tahun-tahun berikutnya akan dijelaskan. Sekiranya anda mempunyai pertanyaan lebih lanjut setelah menerima surat tawaran tersebut, anda boleh menghubungi kami di nombor yang disertakan di bawah.

### 11 Pertanyaan lanjut?

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan mengenai program biasiswa ini, anda boleh menghubungi kami di 1300 13 7988 atau Rosma Abd Azid di 012 650 9275 atau e-mel [rosma.azid@fwd.com](mailto:rosma.azid@fwd.com)



Untuk maklumat lanjut,  
sila layari laman web kami di [fwd.com.my](http://fwd.com.my).

Email: [scholarship.my@fwd.com](mailto:scholarship.my@fwd.com) atau [rosma.azid@fwd.com](mailto:rosma.azid@fwd.com)  
Hubungi: 1300 13 7988 atau 012 650 9275 (Rosma Abd Azid)